


Pengetahuan dan Kefahaman Skop Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah (SISC+)

Rozita Radhiah Said, Abdul Rasid Jamian & Azhar Md.Sabil

Kata kunci:

Kata kunci: Persepsi dan pemahaman, jurulatih pakar pembangunan sekolah (SISC+ BM), mata pelajaran Bahasa Melayu



Abstrak:

Transformasi yang berlaku di seluruh dunia ekoran daripada arus globalisasi dan ledakan teknologi maklumat pada hari ini telah banyak mengubah cara manusia belajar tentang bahasa. Sehubungan dengan itu, kajian tinjauan deskriptif ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan kefahaman Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah terhadap skop pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu (SISC+ BM) pada abad 21. Hal ini bertepatan dengan peranan dan fungsi jawatan SISC+ BM di bawah inisiatif sub NKRA GTP 1.0 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 iaitu bertujuan memartabatkan Bahasa Melayu (MBM). Para pegawai ini ditugaskan untuk memantau dan membimbing guru-guru Bahasa Melayu di sekolah-sekolah yang berprestasi rendah serta berada dalam Band 6 dan Band 7. Maka tahap pengetahuan dan kefahaman skop bidang pengajaran dan pembelajaran berkaitan mata pelajaran sangat penting. Kajian ini menggunakan borang soal-selidik 55 item sebagai instrumen. Kenyataan dan pembinaan soal selidik dalam kajian ini disesuaikan untuk guru mata pelajaran Bahasa Melayu dengan merujuk kepada Standard 2 (Pengetahuan dan Kefahaman) Model Standard Guru Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (2009). Malah turut diambil kira permasalahan serta sorotan literatur Kemahiran Belajar Abad 21, KPM, PPPM. Analisis data statistik menjelaskan frekuensi berdasarkan peratusan dan min tahap pengetahuan dan pemahaman yang ditentukan oleh skala sela. Dapatan kajian secara keseluruhan menunjukkan bahawa dengan min 4.7 dan sisihan piawai .510 pemboleh ubah pengetahuan dan kefahaman skop bidang pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah berada pada tahap tinggi. Kajian lanjut berkaitan pengetahuan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu ini pula perlu diteruskan untuk melihat sejauhmanakah pula pelaksanaannya. Ini kerana peranan dan tanggungjawab para pegawai SISC+ kelak akan menjadi semakin penting demi memartabat serta mendaulatkan Bahasa Melayu.

Keywords:

Keywords: Knowledge, understanding of teaching and learning, development school improvement specialists coaches for Malay Language (SISC+ BM), Malay Language

Abstract:

Transformation happening throughout the world today as a result of globalization and the explosion of information technology has greatly changed the way people learn about language. The educational system in general and classroom's T & L specifically needs to be upgraded to balance the needs of Malay language as the national language. Consequently, a descriptive survey was conducted to identify the level of knowledge and understanding the scope of teaching and learning of Malay Language among the Trainer Development School Specialists for Malay Language (SISC + BM) of the 21st century. This is in line with the role and function of the SISC + BM post under the initiative of sub-NKRA GTP initiative 1.0 of the Malaysian Education Blueprint (2013-2025), which seeks to uphold the Malay language (MBM). The officers elected are assigned to monitor and assist Malay language teachers in underperforming schools with Band 6 and Band 7. The level of knowledge and understanding the scope of teaching and learning is very important. A questionnaire was used as the instrument for this study. The statement and the construction of the questionnaire were modified for Malay Language subject with reference

to the Second Standard (Knowledge and Understanding) of the Standard Model of Malaysian Teachers, Ministry of Education (2009). The literature review of the 21st century Learning Skills Standards, MOE, MEB was taken into account for this purpose. The overall findings show that with a mean of 4.7 and a standard deviation of .510, the knowledge and understanding the scope teaching and learning of the Malay language variables among the School Improvement Specialist Coaches is at a high level. Further studies related to knowledge of teaching and learning of the Malay language should be continued since the roles and responsibilities of these officials are essential in upholding the dignity and sovereignty of the Malay language in the future.